

PENTERJEMAHAN: Kualiti Seiring Teknologi

Penterjemahan bukan sekadar suatu kerja bersifat mekanikal. Hal ini memerlukan kemahiran dan menuntut pendekatan artistik. Seseorang penterjemah itu bukan sekadar mengetahui peraturan penterjemah, tetapi juga perlu memiliki resepi tambahan untuk berjaya dalam kerja penterjemah ke arah menghasilkan output yang bagus dan berkesan.

Dalam tempoh beberapa tahun ini, satu trend baharu telah muncul dalam kerjaya penterjemahan, iaitu kewujudan prosedur standard antara hubungan firma atau syarikat penterjemahan dengan pelanggan mereka. Apabila bercakap tentang hubungan ini, maka sudah tentu elemen kualiti menjadi teras yang sangat penting dalam kalangan penterjemah yang berkhidmat di firma tersebut. Kualiti yang dimaksudkan berpandukan dua prinsip asas, iaitu kualiti adalah bersifat relatif, bahawa kita menanggapi tahap kualiti dengan cara berbeza untuk satu produk yang sama, manakala prinsip kedua ialah tahap kualiti itu tertakluk kepada kekangan keperluan kerja penterjemahan.

Makalah ini tidak bertujuan mengulas panjang lebar tentang prinsip kualiti, sebaliknya artikel ini menumpukan pada peranan penterjemah yang sentiasa mengejar masa dalam memenuhi tuntutan dan keperluan pelanggan. Yang berikut diperincikan langkah proaktif yang mungkin dapat membantu penterjemah menghasilkan tugas mereka dengan lebih berkesan, terutama bagi mereka yang menggunakan komputer serta *Microsoft Office*.

Justeru, sebaik-baik mungkin menterjemah seolah-olah bahan berkenaan akan diserahkan atau diterbitkan pada masa itu juga. Semakin minimum kesilapan, maka semakin rendah peluang kesilapan dikesan.

Elakkan kerja dua kali

Sebaik-baik sahaja diberikan tugas menterjemah, penterjemah sewajarnya melakukan kerja mereka dengan cermat dan teliti dengan kesilapan paling minimum, mungkin sedikit kesilapan ejaan sahaja, tanpa melibatkan unsur kesalahan makna atau maksud. Hal ini demikian kerana kerja penyuntingan dan penyemakan semula teks terjemahan itu amat memenatkan. Kerja ini juga memakan masa dan mungkin mengundang keadaan "pandangan kedua" yang bertentangan dengan hasil asal terjemahan tersebut, mengakibatkan risiko "kerja dua kali" atau *rework*. Justeru, sebaik-baik mungkin menterjemah seolah-olah bahan berkenaan akan diserahkan atau diterbitkan pada masa itu juga. Semakin minimum kesilapan, maka semakin rendah peluang kesilapan dikesan semasa proses penyuntingan dan baca pruf (sekiranya ada), dan keadaan ini sudah tentu akan menjimatkan masa.

Simpan Data Perkataan yang Mengelirukan

Sekiranya menterjemahkan teks bahasa Inggeris ke bahasa Melayu pada kebiasaannya, terdapat beberapa perkataan bahasa sumber yang sama, selain perbezaan. Selain itu, penterjemah juga perlu menetapkan ejaan standard sekiranya menterjemahkan mana-mana teks ke bahasa Inggeris, iaitu sama ada perlu menggunakan bahasa Inggeris Amerika atau bahasa Inggeris British, mengikut keperluan yang dipersetujui oleh pelanggan.

Sebagai contoh, perkataan *principle* dan *principal* sebenarnya membawa maksud yang berbeza walaupun ejaan kedua-duanya hampir sama. Begitu juga dengan perkataan-perkataan *affect* dan *effect*, *migrate*, *immigrate*, dan *emigrate*. Kesemua hal ini memerlukan pembacaan dan penelitian teks sumber berulang kali sebelum menterjemahkannya ke bahasa sasaran. Justeru, buatlah satu senarai "kesilapan yang sering berlaku" dan gunakanlah senarai ini apabila diperlukan.

Hal yang sama juga perlu dilakukan apabila berhadapan dengan situasi menetapkan

penggunaan ejaan bahasa Inggeris Amerika atau bahasa Inggeris British. Kita tahu bahawa ejaan bahasa Inggeris Amerika cenderung mengugurkan satu huruf dalam bahasa Inggeris British bagi satu perkataan yang sama, selain perbezaan huruf "z" dan huruf "s" dan beberapa perbezaan ejaan bagi perkataan yang sama. Hal yang demikian belum dikira perbezaan penggunaan perkataan atau istilah dalam merujuk konsep makna yang sama. Lihat Jadual 1.

Penggunaan Penyemak Ejaan, Tatabahasa atau Istilah

Perisian ini amat penting, terutama yang melibatkan projek terjemahan berskala besar dan bersifat komersial. Keadaan ini terpakai untuk penterjemah dan penyunting semasa melakukan kerja penterjemahan dan penyuntingan menggunakan *Microsoft Office*. Walaupun penggunaannya tidak akan menyelesaikan kesemua masalah, namun, sekurang-kurangnya hal yang demikian menjimatkan masa dan kerja seseorang penterjemah. Walau bagaimanapun, sebelum

US English	British English
color	colour
favorite	favourite
organize	organise
analyze	analyse
center	centre
fiber	fibre
liter	litre
airplane	aeroplane
eggplant	aubergine
cookie, cracker	biscuit

menyemak ejaan dan tatabahasa, pastikan dokumen terjemahan itu ditandai atau ditonjolkan terlebih dahulu, kemudian diprogramkan pilihan bahasa yang dikehendaki dan aktifkan sepenuhnya penyemak tersebut.

Bagi penterjemahan teks ke bahasa Melayu, penggunaan perisian *Dewan Eja Pro 8* juga banyak membantu dari aspek penyemakan ejaan, tatabahasa dan makna perkataan atau istilah.

Pematuhan Peraturan Tatahuruf atau Tipografi dan Tanda Baca Bahasa Sasaran

Setiap bahasa di dunia memiliki konvensi tatahuruf dan tanda baca yang berbeza antara satu sama lain. Dalam hal ini, terjemahan yang dihasilkan haruslah mematuhi peraturan penggunaan bahasa sasaran. Kebanyakan penterjemah mungkin terlepas pandang isu yang diketengahkan ini kerana menganggap hal ini suatu perkara kecil dan tidak menjejaskan output terjemahan mereka.

Selain itu, kecuaihan dan kesilapan memasukkan teks menggunakan komputer juga akan menjejaskan mutu terjemahan. Sebagai contoh, perkataan ditaip selang dua atau tiga bar ruang (*spacebar*), terdapat ruang sebelum ditaip tanda koma sebaliknya tiada ruang selepas ditaip tanda koma, serta penggunaan butang kekunci tab dan kurungan (*brackets*) yang tidak betul.

Keadaan sedemikian akan menyukarkan tugas pengatur huruf dan pembaca pruf seterusnya, selain boleh memberikan gambaran dan imej buruk atas kecuaihan penterjemah itu. Justeru, perlu bagi penterjemah menghasilkan karya terjemahan yang bagus dari sudut teknikalnya sehingga tidak memerlukan "campur tangan" penyunting dan pembaca pruf.



Elakkan Penggunaan Menu Replace All

Kaedah ini amat berbahaya terutama apabila menyemak semula tatabahasa dan makna perkataan yang diterjemahkan. Hal ini demikian kerana bukan semua perkataan atau istilah yang ingin digantikan itu terpakai pada semua bahagian teks.

Utamakan Kesemulajadian

Aspek ketepatan merupakan nilai terpenting dalam sesuatu terjemahan. Hal ini mungkin kelihatan sempurna secara luaran dan teknikalnya, namun hasil terjemahannya mungkin buruk dan tidak betul. Satu cara untuk memastikan sama ada hasil terjemahan itu kelihatan dan kedengaran semula jadi adalah dengan membacanya secara kuat (*read aloud*). Kaedah ini bertujuan memastikan susunan perenggan dan bahagian terjemahan itu

berkoherens dan teratur, sekalipun untuk teks laras teknikal. Ingat, setiap teks terjemahan harus kedengaran dan dibaca secara semula jadi dalam bahasa sasarannya.

Semak Header, Footer, Grafik dan Kotak Teks

Aspek teknikal ini juga sering diabaikan oleh penterjemah. Sekiranya teks sumber itu berupa dokumen *MS Word*, sesetengah grafik akan hanya terpapar dalam mod *print preview* sahaja. Begitu juga dengan kotak teks. Justeru, pastikan tidak ada maklumat tertinggal semasa menterjemah keseluruhan dokumen.

Dapatkan Khidmat Penyunting

Sekiranya anda bekerja dengan firma atau agensi, kebarangkalian hasil terjemahan anda disemak oleh penyunting adalah tinggi. Sekalipun penterjemah itu

sudah merasakan yang hasil kerjanya amat bagus, sekurang-kurangnya tugas penyunting mampu mengesan kesilapan kecil dan melakukan pbaikan yang sewajarnya, dan keadaan ini sudah tentu akan memberikan impak yang tinggi terhadap kualiti terjemahan yang telah dihasilkan.

Pemantauan akhir ini akan memastikan bahagian yang disunting itu lengkap, manakala kandungan teks terjemahan pula kelihatan semula jadi seolah-olah karya tersebut bukan sebuah hasil terjemahan. Ingat, terjemahan yang paling bagus ialah apabila pembaca tidak menyedari bahawa karya berkenaan sebenarnya karya terjemahan.

Jaminan Kualiti

Komunikasi dan kerjasama yang baik dan padu amat penting, bermula daripada fasa penyerahan tugas menterjemah sehingga fasa akhir kerja tersebut. Pihak yang bertanggungjawab terhadap jaminan kualiti terjemahan akan dimaklumkan sebaik-baik sahaja selesai proses penyuntingan sesuatu karya terjemahan. Pihak pengurusan projek juga haruslah bekerjasama dengan penterjemah dan kumpulan panel bahasa, pembangun web, bahagian jaminan kualiti itu sendiri, dan pihak-pihak lain yang terlibat secara tidak langsung dalam projek penterjemahan.

Akhir sekali, jika tarikh akhir penyerahan tidak dapat dilakukan kepada pelanggan, makluman perlu diberikan kepada pelanggan supaya mereka dapat mengatur semula tarikh baharu yang berseesuaian. Perlu diingatkan bahawa terlepas tarikh akhir penyerahan merupakan satu igauan buruk bagi penterjemah dan firmanya, namun, perbincangan secara dua

Namun, penghasilan karya terjemahan yang bermutu dan dapat memuaskan hati pelanggan serta diterima oleh masyarakat perlu menjadi pegangan utama penterjemah.

hala dengan pelanggan dapat memulihkan keyakinan mereka terhadap firma terjemahan tersebut.

Kesimpulan

Secara tuntasnya, dapat disimpulkan bahawa kesan kemajuan yang sangat pesat dalam bidang pengkomputeran mampu mempercepat tugas menterjemah di sesebuah agensi atau firma terjemahan. Namun, penghasilan karya terjemahan yang bermutu dan dapat memuaskan hati pelanggan serta diterima oleh masyarakat perlu menjadi pegangan utama penterjemah. Pematuhan terhadap peraturan dan langkah-langkah yang telah dijelaskan dalam makalah ini, sedikit sebanyak membantu penterjemah dan penyunting menjalankan tugas masing-masing, lebih-lebih lagi jika projek penterjemahan itu berskala besar dan bersifat komersil yang menuntut faktor masa yang sangat efisien.

Akhir sekali, aspek jaminan kualiti terjemahan perlu diambil kira demi kelangsungan hubungan baik dengan pelanggan firma. DB

PELUANG PENULISAN

Anda kaya dengan idea?

Mulakan menggilap bakat anda dalam bidang penulisan di Dewan Bahasa dan Pustaka. Bermula dengan *Aku di Sebuah Pulau* dan *Cerita-cerita Lain* (1957), Dewan Bahasa dan Pustaka terus mengorak langkah menerbitkan beribu-ribu judul buku dalam pelbagai bidang dan peringkat pembaca. Dalam usaha menerbitkan buku umurn, dewasa dan pengajian tinggi, Jabatan Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka mempelawa para penulis untuk menyumbang karya dalam bidang:

- Sains Sosial dan Kemasyarakatan.
- Sains dan Teknologi.
- Agama, Falsafah dan Tamadun Islam.

Kemukakan pertanyaan atau cadangan penulisan kepada: Pengarah Jabatan Penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur.

Panduan Penyediaan Kertas Cadangan Judul boleh didapati melalui: <http://www.dbp.gov.my>